

20 AUG 1999

HABIBIE AKAN LAWAT MALAYSIA PADA RABU

JAKARTA, 20 Ogos (Bernama) -- Presiden Indonesia B.J. Habibie akan berada di Kuala Lumpur pada Rabu bagi lawatan sehari, menurut seorang pegawai Istana hari ini.

Beliau akan mengadakan perbincangan dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengenai pelbagai isu kepentingan bersama.

Pegawai itu berkata lawatan berkenaan bagi membalas lawatan Dr Mahathir ke Pulau Batam pada Mei.

Habibie dijadual diiringi Menteri Luar Indonesia Ali Alatas, Setiausaha/Menteri Negara Muladi, Menteri Pertahanan/Panglima Angkatan Tentera Wiranto dan Menteri Penyelaras bagi Ekonomi, Kewangan dan Industri Ginandjar Kartasasmita.

-- BERNAMA
OPP RHM RON